

SULIT

NAMA : .....

KELAS : .....



**JABATAN PELAJARAN NEGERI SABAH**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**  
**EXCEL 2**  
**BAHASA MELAYU**  
**Kertas 2**  
**OGOS 2010**

**1103/2**

2 Jam 30 Minit

Dua jam tiga puluh minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c) dan Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

1103/2 © Hak cipta Jabatan Pelajaran Sabah

**[ Lihat sebelah ]**

## Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian tulis satu rumusan tentang **langkah-langkah untuk menangani penularan wabak Influenza H1N1 dan punca-punca penyakit ini cepat merebak**. Panjang rumusan anda hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Sejak beberapa minggu belakangan ini, Influenza A atau H1N1 menjadi perkara yang mengancam nyawa kepada seluruh masyarakat dunia. Wabak H1N1 yang semakin merebak dengan jumlah kes jangkitan yang dikesan melebihi 2000 yang membabitkan 21 negara. Oleh itu, kerajaan telah melaksanakan sepuluh langkah yang agak ketat bagi *menangani penularan Influenza A atau H1N1*. Antaranya termasuklah mewajibkan semua pelancong dan warga Malaysia yang kembali dari luar negara mengisi borang pengisytiharan status kesihatan mereka. Sesiapa yang gagal mengisi borang tersebut selepas peraturan berkenaan diwartakan pada minggu depan, mereka boleh dikenakan tindakan, iaitu penjara selama dua tahun atau denda RM2 000 atau kedua-duanya mengikut Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988. Keputusan iaitu dibuat dalam mesyuarat pertama Jawatankuasa Kebangsaan Antara Kementerian Mengenai Pandemik H1N1 yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Negara Malaysia turut mencatat kes penularan tempatan pertama wabak H1N1 yang membabitkan seorang pelajar perempuan berusia 17 tahun. Tan Sri Muhyiddin Yassin menyatakan bahawa jawatankuasa itu juga memberikan mandat kepada Majlis Keselamatan Negara yang turut dipengerusikannya untuk mengambil tindakan yang wajar jika berlaku jangkitan wabak H1N1 di sesuatu tempat bagi menyekat penularannya. Majlis tersebut boleh mengambil tindakan 'penjarakkan sosial' seperti menutup sekolah serta institusi pengajian tinggi dan membatalkan majlis perjumpaan awam atau perhimpunan. Selain itu, memeriksa kesihatan dan suhu badan penumpang dalam pesawat dari negara berisiko penularan H1N1, iaitu Amerika Syarikat, Melbourne di Australia, dan Manila, Filipina serta meneruskan saringan kesihatan di semua pintu masuk negara merupakan langkah yang diambil untuk mengelakkan penularan wabak ini. Topeng muka akan diberikan kepada sesiapa yang dijangkiti wabak itu ketika dalam perjalanan ke negara ini, manakala pelalian influenza bermusim dibekalkan untuk golongan berisiko bagi mengurangkan bahaya dijangkiti wabak H1N1. Selain itu, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga diminta membantu bagi menguatkuasakan undang-undang yang lebih tegas terutamanya berhubung dengan kebersihan tandas awam serta memperluas kempen menjaga kebersihan diri. Menurut Timbalan Perdana Menteri, kempen media oleh pihak Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan perlu dilaksanakan secara menyeluruh dengan lebih giat untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya menjaga kebersihan.

Pihak pengurusan agensi atau kementerian yang menyediakan perkhidmatan utama pula perlulah memastikan anggota barisan hadapan menjaga kebersihan diri untuk mengelakkan jangkitan wabak Influenza A. Di samping itu, pihak hospital kerajaan atau hospital swasta juga perluengehadkan pelawat seperti dua orang pelawat bagi setiap pesakit dan kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah tidak dibenarkan melawat pesakit. Pihak kerajaan akan sentiasa melakukan pemantauan dari semasa ke semasa bagi memastikan wabak tersebut tidak terus menular di negara ini.

Kerajaan turut memberikan perhatian kepada sektor pelancongan untuk menangani penularan wabak ini. Dalam hal ini, maklumat telah disebarkan kepada semua kedutaan Malaysia agar pelancong yang berkunjung ke negara ini mengambil langkah berjaga-jaga dan mengikut peraturan yang telah digariskan oleh pihak berkuasa. Sementara itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai menyatakan bahawa kementeriannya turut menyediakan pengangkutan untuk membawa pesakit yang disyaki dijangkiti wabak Influenza A atau H1N1 dari klinik ke hospital berdekatan. Bagaimanapun, beliau meminta semua pihak tidak panik dengan penularan wabak tersebut kerana keadaan masih terkawal.

(Dipetik dan diubahsuai daripada “**Langkah Cegah H1N1**”,  
Anwar Hussin, Nazura Ngah, Fatin Hafizan Mohd Shahar, dan Khairul  
Azran Hussin, *Berita Harian*, 19 Jun 2009)

**Soalan 2 : Pemahaman**  
[35 markah]

**Soalan 2(a) : Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menangani penularan*. [2 markah]
- (ii) Apakah tindakan yang akan dikenakan terhadap seseorang yang tidak mengisi borang pengisytiharan status kesihatannya apabila masuk ke negara ini? [3 markah]
- (iii) Jika anda dijangkiti influenza H1N1, apakah tindakan yang perlu anda lakukan? [4 markah]

## Soalan 2 (b) - Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“ Apa maksud cikgu?”

“Tidakkah kamu tahu bahawa di seluruh dunia, hutan diancam aktiviti pembalakan. Sindiket yang gila akan duit menceroboh dan membunuh fauna dan flora di kawasan hutan simpan. Bukan sahaja di Malaysia, malah hutan malar hijau di Lembangan Amazon juga terancam”.

“Pohon-pohon tembusu padang, meranti seraya, dan meranti tembaga di kawasan simpan, 20 km dari sini sudah tiada lagi cikgu,” kata Daneng terputus-putus. Suaranya ditengalami kekecewaan yang pedih. “Apakah dapat saya lakukan. Apabila kami tiba di sana, mereka sudah tiada, pokok-pokok itu juga sudah tiada.”

“Sebab itulah kamu harus belajar, Daneng. Mungkin kamu dapat menjadi pengawai perhutanan negara dan melaksanakan satu rancangan yang lebih agresif untuk membanteras kelompok musuh ini, atau kamu boleh menjadi saintis, mencipta sesuatu yang dapat menggantikan tempat kayu. Barulah hutan akan terselamat. Masa depan pohon tualang pujaanmu juga akan terjamin,” hujah Jo.

(Dipetik daripada cerpen “Lambaian Malar Hijau”  
Dalam Antologi Anak Laut: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Apakah maksud rangkaian kata *sindiket yang gila akan duit* berdasarkan petikan di atas?  
[ 2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah pendidikan penting dalam kehidupan seseorang?  
[3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam petikan dan **dua** persoalan yang terdapat dalam keseluruhan cerpen.  
[4 markah]

### Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik

*Baca petikan prosa di bawah ini dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Adalah seekor bayan tiga ekor anaknya, berdiam ia pada suatu lubang kayu. Adapun pada pohon kayu itu ada suatu lubang kayu. Adapun pada pohon kayu itu ada cerpelai beranak anak muda. Sebermula, adapun anak bayan itu bersahabat dengan anak cerpelai. Maka kata bayan kepada anaknya, “Jangan apalah, hai anakku, engkau bersahabat dengan anak cerpelai itu, kerana ia binatang yang tiada teguh setianya!”

Beberapa pula dikatakan oleh ibu bapanya, tiada juga diturut oleh anak bayan itu. Maka kata bayan kepada anaknya, “Engkau ini adalah seperti hikayat anak kera bersahabat dengan anak saudagar, maka ia beroleh kemaluan dan kejahatan daripada tiada ia menuruti kata bapanya.”

Maka sahut bayan itu, “Hai bapaku, hikayatkanlah supaya kudengar, betapa juga peri hikayat kera itu!”

Maka kata bapanya, “Ada seekor kera, konon, bersahabat dengan anak saudagar. Beberapa pun dilarang oleh ibunya, tiada juga didengar oleh kera itu pergi bermain-main dengan anak saudagar itu. Maka kata bapanya, ”Hai anak-anakku, jangan engkau bersahabat dengan anak saudagar itu, kerana ia manusia, kita binatang!”

(Dipetik daripada *Cerita Bayan Tiada Menurut Kata Ibu Bapanya*,  
Dalam antologi *Anak Laut*,DBP)

- (i) Berikan **dua** faktor yang menyebabkan Bayan melarang anak-anaknya bersahabat dengan anak cerpelai. [2 markah]
- (ii) Apakah akibat keingkaran anak kera kerana tidak mendengar nasihat ibunya? [2 markah]
- (iii) Pada pandangan anda, apakah faedah cerita di atas dalam kehidupan kita seharian? [4 markah]

## Soalan 2 (d) - Petikan Puisi

Baca puisi di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### SYAIR KELEBIHAN ILMU

Ilmu itulah gemala sakti,  
Sinarnya cerah cahaya sejati,  
Asal puncanya lamun didapati,  
Sukar bercerai sehingga mati.

Harganya tidak dapat dinilai,  
Sebuah dunia belinya bukan,  
Kuasanya besar sukat digunakan,  
Di laut di darat di rimba di pecan.

Masa seorang ialah taulan,  
Teman berbekal suluh berjalan,  
Masa berhimpun ia pengenalan,  
Hias penyata polan si polan.

*Bagi yang duka ia penghibur,  
Ia penerang bagi yang kabur,  
Ialah kandil di dalam kubur,  
Lamun dengannya beramal subur.*

Ia penerang jalan ke syurga  
Ia pemuas tekak yang dahaga,  
Ialah sungai ialah telaga,  
Laut yang luas ialah juga.

Ialah alat sangat berguna,  
Idaman orang yang bijaksana,  
Hamparnya luas amat saujana,  
Tepinya ajal sempadannya fana.

### Za'ba

Antologi *Kerusi*,  
2000, DBP

(i)

*Bagi yang duka ia penghibur,  
Ia penerang bagi yang kabur,  
Ialah kandil di dalam kubur,  
Lamun dengannya beramal subur.*

Berikan maksud rangkap syair di atas.

[3 markah]

(ii) Pada pendapat anda, apakah yang akan terjadi jika seseorang itu tidak mementingkan ilmu dalam kehidupannya?

[3 markah]

(iii) Nyatakan **tiga** aspek gaya bahasa yang terdapat dalam syair di atas.

[3 markah]



### Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

(30 markah)

Jawab **semua** soalan.

a) Tulis **satu** ayat bagi tiap-tiap frasa di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan frasa itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- i. daya tenaga
- ii. daya upaya
- iii. daya serap
- iv. daya tahan
- v. daya saing
- vi. daya maju

[6 markah]

b) Baca ayat-ayat di bawah kemudian nyatakan jenis ayat majmuk yang terdapat dalam setiap ayat itu ( *majmuk pancangan relatif, majmuk pancangan gabungan, majmuk pancangan komplemen, majmuk pancangan keterangan* ).

- i. Kita mestilah melakukan satu perancangan yang seharusnya bermula pada peringkat awal.
- ii. Menteri Belia dan Sukan mengatakan bahawa usaha ini haruslah dimulakan pada peringkat awal.
- iii. Penduduk kampung itu menyedari bahawa nasib mereka terancam.
- iv. Lelaki kurus yang berkaca mata itu jurusan undang-undang.
- v. Jari kedua-dua tangannya putus lantaran bermain mercun
- vi. Kesemua pekerja kilang itu menerima ganjaran bonus melainkan yang tidak proaktif.

[6 markah]

- c) Dalam petikan di bawah, terdapat **tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Pembabitan Malaysia dalam bidang teroka angkasa lepas bermula pada awal 1980 an sedangkan bidang tersebut telah dicebur lebih awal lagi oleh sesetengah negara lain. Pada mulanya rakyat Malaysia tertanya-tanya sama ada terlibat dalam bidang angkasa lepas itu benar-benar berbaloi dengan kos yang dilaborkan.

[6 markah]

- d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. **Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.**

- i. Yang Berusaha Wakil Rakyat kawasan kita tidak dapat hadir pada majlis perasmian itu kerana beliau terpaksa menghadiri mesyuarat penting.
- ii. Semua murid-murid prasekolah perlu celik huruf sebelum berjalan masuk ke sekolah rendah.
- iii. Pengambil alihan syarikat itu oleh pengurusan baharu bertujuan untuk memantapkan pengurusan syarikat.

[6 markah]

- e) Tulis **satu** ayat berdasarkan setiap peribahasa di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.

- i) Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni.
- ii) Untung sabut timbul, untung batu tenggelam.
- iii) Tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan.

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel**  
[ 15 Markah ]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
- (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusof
- (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
- (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
- (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
- (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad

a. Novel yang telah anda pelajari ada diselitkan pelbagai persoalan. Berdasarkan salah sebuah novel tersebut, jelaskan **dua** persoalan kepimpinan.

[ 7 markah ]

b. Jelaskan **pengajaran** yang terdapat dalam bahagian **peleraian dua buah novel** yang dikaji.

[ 8 markah ]